

11/08/1997

Ketua jabatan dilarang terima hadiah

Rahman Hashim

MELAKA, Ahad - Semua ketua jabatan kerajaan dan agensi lain di negeri ini tidak dibenarkan menerima sebarang bentuk cenderamata atau hadiah yang tidak sepatutnya, dalam sesuatu majlis yang dihadiri.

Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin, berkata beliau akan memanggil semua ketua jabatan dan agensi bagi membincangkan masalah itu sebelum arahan dikeluarkan tidak lama lagi.

Menurutnya, perbincangan berkenaan juga akan menyediakan satu garis panduan yang perlu dipatuhi oleh ketua jabatan kerajaan ketika menerima sesuatu hadiah atau cenderamata daripada penganjur majlis.

Beliau berkata, adalah tidak wajar seseorang ketua jabatan atau agensi kerajaan lain menerima sebarang bentuk cenderamata yang lebih mahal atau tidak setimpal sesuatu majlis yang dihadiri bagi mengelakkan tanggapan negatif sesuatu pihak.

"Jika penganjur sesuatu majlis masih berminat memberikan cenderamata yang mahal harganya, ketua jabatan terbabit hendaklah menolaknya atau tidak menerima pemberian itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Tilawah al-Quran, Berzanji dan Ceramah Perdana anjuran Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat (Bistari) Melaka dan Biro Agama Wanita Perhubungan Umno Negeri di sini, hari ini.

Abu Zahar berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, hari ini bahawa kerajaan akan mengeluarkan garis panduan berhubung bentuk cenderahati atau hadiah yang boleh diterima pemimpin politik.

Dr Mahathir berkata, garis panduan itu penting bagi mengelak sesetengah pihak membuat anggapan kononnya hadiah atau cenderahati berkenaan juga sebagai satu bentuk rasuah.

Menurut Abu Zahar, kerajaan juga akan mengkaji semula acara menyemat bunga oleh kaum wanita kepada tetamu jemputan yang kebanyakannya lelaki dalam sesuatu majlis.

"Perbuatan itu dianggap kurang manis dan pihaknya akan mengkaji tindakan susulan sebelum arahan menghentikan acara seumpama itu dikeluarkan," katanya.

Sementara itu, kerajaan negeri turut mengalu-alukan cadangan Kerajaan Pusat mengkaji semula kedudukan mufti di negara ini.

(END)